

18/02/2003

Perhimpunan Umno tidak ditunda

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tidak ada sebab mengapa Perhimpunan Agung Umno yang dijadualkan Jun ini, ditunda kepada Oktober iaitu menjelang tarikh persaraannya.

"Saya tak nampak apa sebab. Kita patut ada seperti dijadualkan," kata Perdana Menteri selepas menyaksikan raptai penuh majlis pembukaan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di sini semalam.

Beliau yang juga Presiden Umno mengulas cadangan beberapa pihak supaya Perhimpunan Agung Umno pada Jun ini ditunda ke tarikh yang sesuai dengan tarikh persaraan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan presiden parti akhir tahun ini.

Kelmarin, Ketua Penerangan Umno Tan Sri Megat Junid Megat Ayob dipetik sebagai berkata, Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengemukakan sendiri cadangan mengkaji semula tarikh perhimpunan agung itu pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) 20 Februari ini.

Sementara itu, Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak, berkata terpulang kepada Dr Mahathir selaku presiden parti serta MT Umno untuk menunda Perhimpunan Agung Umno yang dijadualkan pada Jun ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata kuasa untuk membuat keputusan itu terletak pada presiden parti serta MT.

"Walaupun perkara itu dibincangkan di Jawatankuasa Pengurusan Umno, ia masih perlu dirujuk pada presiden serta MT untuk diputuskan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Khidmat Negara di Kementerian Pertahanan di sini.